

09/09/2002

DHL tempatkan APIS di Cyberjaya

DHL Worldwide Express (DHL), perintis industri penghantaran ekspres udara antarabangsa, menempatkan semula pusat Perkhidmatan Maklumat Asia Pasifik (APIS) di Cyberjaya selepas menjadikan IOI Mall di Puchong sebagai pusat operasi teknologi maklumat serantaunya.

Ketua Pegawai Maklumatnya, Stephen McGuckin, berkata pemilihan pusat IT Asia Pasifik DHL dilakukan selepas meninjau ke negara di Asia, iaitu Singapura, Filipina, Hong Kong dan India.

"Pemilihan Malaysia kerana inisiatif kerajaan menerusi penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan insentif khas ditawarkan, termasuk 10 perkara dalam Bil Jaminan, langkah kerajaan memperkenalkan dan menguatkuasakan undang-undang siber," katanya dalam satu kenyataan minggu lalu.

Pusat itu dirasmikan Perdan Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad sempena Mesyuarat Kali Keenam Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC.